

Headline	Kebanyakan kerajaan negeri setuju naikkan tarif air: Xavier		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	17 Jan 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	32,799
Page No	15	Readership	98,397
Language	Malay	ArticleSize	499 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,720
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 11,159



Kebanyakan kerajaan negeri setuju naikkan tarif air: Xavier

Kadar masih dibincang kerana setiap negeri mempunyai tarif berbeza

KUALALUMPUR: Kenaikan tarif air dijangka dapat dilaksanakan pada tahun ini berikut kebanyakan kerajaan negeri menyatakan persetujuan dengan cadangan itu, kata Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr A. Xavier Jayakumar.

Bagaimanapun katanya kadar kenaikan masih dalam perbincangan memandangkan setiap negeri mempunyai kadar tarif berbeza dan ada juga yang tidak pernah menyemak semula selama berpuluhan tahun.

“Saya nampak banyak kerajaan negeri setuju. Ada satu atau dua negeri sahaja tidak bersetuju lagi tetapi kita akan berbincang dengan mereka.

“Bagaimanapun saya boleh memberi jaminan ia tidak akan membebankan rakyat, dan ia akan bagi manfaat untuk rakyat dengan adanya air yang bersih untuk diminum,” katanya kepada pemberita selepas menyaksikan Pemeretaian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan Indah Water Konsortium (IWK), di sini semalam.

Ditanya sama ada kadar kenaikan akan ditetapkan pada 20 peratus seperti yang diperimbang oleh Pulau Pinang, beliau berkata: “Tengoklah bagaimana... masih ada masa untuk kita bincangkan mengenai kadar tarif... kalau 20 peratus itu dirasakan sangat tinggi kita boleh turunkan sedikit.”

Katanya kerajaan berharap perundingan di antara Suruhanjaya Perkhidmatan Air (SPAN) dan kerajaan-kerajaan negeri berhubung perkara itu dapat dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Dalam pada itu, Xavier ber-



PENERANGAN: Xavier (kiri) mendengar penerangan daripada seorang kakitangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) selepas menghadiri majlis pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MOU) antara FRIM dan Indah Water Konsortium (IWK) di FRIM, Kuala Lumpur, se malam. — Gambar Bernama

“ Bagaimanapun saya boleh memberi jaminan ia tidak akan membebankan rakyat, dan ia akan bagi manfaat untuk rakyat dengan adanya air yang bersih untuk diminum. **”**

*Dr A. Xavier Jayakumar
Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli*

kata penggabungan bil air dan bil rawatan kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) di Labuan mencatatkan kejayaan apabila kutipannya meningkat daripada 40 peratus kepada 93 peratus sejak langkah tersebut diperkenalkan pada 2016.

Justeru katanya beliau percaya jika langkah itu diperluas

ke seluruh negara, IWK dapat menampung kos operasinya, sekali gus kerajaan dapat mengurangkan subsidi yang berjumlah RM150 juta setiap tahun.

“Pada tahap ini kami tidak boleh terus menyokong mereka dan kita mesti cari jalan untuk menyelesaikan

isu IWK... kita lihat dengan pengebilan bersama ini tiada masalah untuk penduduk membuat pembayaran sekaligus,” katanya.

Terdahulu, IWK yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya Faizal Othmar dan Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mahmood menandatangani MoU untuk penggunaan sisa kumbahan terawat iaitu biopepel sebagai bahan bagi tanaman yang tidak boleh dimakan.

“Ia boleh digunakan untuk program penghutanan semula di ladang getah dan juga pokok-pokok yang ditanam oleh majlis perbandaran... kita harap ia dapat dikomersilkan suatu hari nanti,” katanya. — Bernama